

>> Kita perlu bergabung tenaga dan memastikan dapat melahirkan generasi masa hadapan berintegriti serta berjiwa kental dan berani untuk **katakan tidak kepada rasuah**

HARIAN METRO

HARIAN METRO



**S**tatistik menunjukkan sebanyak 55 peratus daripada 1,902 tangkapan rasuah di negara ini dalam tempoh tiga tahun sejak 2013 terdiri daripada golongan belia berusia 40 tahun ke bawah. Jumlah berkenaan menunjukkan pembabit rasuah dalam kalangan belia agak tinggi dan ia perlu ditangani dengan efektif agar tidak menjadi barah dalam masyarakat.

Hakikatnya golongan belia adalah tonggak dan harapan negara untuk memikul tanggungjawab dan amanah untuk meneruskan legasi kecemerlangan negara kita pada masa hadapan. Justeru kita tidak boleh membiarkan golongan ini terus hanyut dengan gejala rasuah kerana dikhuatiri keadaan akan menjadi lebih parah apabila mereka mula memegang tampuk kepemimpinan kelak baik di peringkat negara mahupun di organisasi masing-masing.

Dalam konteks ini sudah semestinya golongan belia yang baru memasuki alam pekerjaan terutama di sektor awam serta belia di semua peringkat yang lain perlu diberi perhatian yang serius secara berfokus. Penulis percaya langkah untuk menerapkan budaya antirasuah ataupun benci rasuah perlu disemai dan diterapkan sebelum mereka memasuki alam pekerjaan lagi. Kita risau keadaan menjadi agak lambat andai usaha untuk mencegah ini hanya bermula ataupun fokus ketika mereka sudah menjawat sesuatu jawatan.

Secara umumnya usaha memerangi rasuah ini perlu bermula dari peringkat sekolah dan kemudian perlu berterusan walaupun setelah mereka memasuki dunia pekerjaan. Hal ini kerana kita tidak mahu belia kita leka dan lalai apabila menjawat sesuatu jawatan yang penting ataupun mudah terdedah kepada unsur rasuah.

Dalam konteks ini kita wajar memuji inisiatif Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang melaksanakan pelbagai program kesedaran dan pencegahan di semua peringkat masyarakat di

negara ini termasuk menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah di semua institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini sejak 2007 dan peringkat sekolah melalui program 'Wira Antirasuah'. Malah pendidikan pencegahan rasuah juga turut melibatkan sektor awam menerusi unit integriti yang diwujudkan bagi memberi penerangan dan pendidikan berhubung isu dan cara menangani rasuah.

Seperti yang penulis gariskan tadi memang wajar usaha ini dimulakan daripada peringkat sekolah lagi dan seterusnya digiatkan di semua peringkat. Kita percaya SPRM akan terus bertindak agresif untuk membanteras gejala rasuah di negara kita terutama dalam kalangan belia dengan memberi fokus utama kepada aspek pendidikan dan pencegahan.

Apa yang penting sekarang ialah kesedaran dalam

kalangan belia itu sendiri di samping sokongan ibu bapa, ahli keluarga dan juga masyarakat secara keseluruhannya. Hal ini penting kerana walau bagus mana sekalipun perancangan pihak berkuasa ia sukar memperoleh manfaat mahupun impak yang dihasratkan andai kumpulan sasaran iaitu golongan belia tidak mahu ambil peduli dan memandang serius perkara ini. Realitinya semua pihak perlu sedar dan juga disedarkan secara berterusan betapa rasuah boleh menghancurkan ketamadunan sesebuah bangsa dan juga negara.

Maka kita harap program pencegahan di peringkat sekolah dan juga IPT dapat dilaksanakan dengan lebih agresif dan efektif supaya kelihatan lebih kreatif agar dapat menarik perhatian golongan belia. Misalnya pencegahan melalui ceramah yang membosankan

berjam-jam perlu dielak. Kita perlu bijak membaca pemikiran dan kehendak anak muda ini. Mereka bukan daripada generasi yang boleh duduk berjam-jam mendengar ceramah mahupun taklimat tentang keburukan rasuah. Zaman itu sudah lama berlalu. Ringkasnya mereka tidak mahu dibebel tentang salah laku rasuah. Oleh itu kita perlu menggunakan strategi dan pendekatan yang lebih efektif yang mampu menarik minat belia sama ada secara langsung ataupun tidak langsung untuk mengambil tahu tentang rasuah serta kesan buruknya. Antara kaedah yang boleh digunakan ialah melalui pelbagai permainan interaktif yang menarik. Misalnya kita wajar memanipulasi kecanggihan era teknologi maklumat dan media sosial. Gunakan media sosial dan teknologi terkini sebagai platform utama memancing

minat golongan muda agar mereka rasa tidak bosan dan pada masa yang sama matlamat kita juga tercapai.

Dalam pada itu ibu bapa dan ahli keluarga juga perlu memainkan peranan yang penting. Dalam konteks ini penulis percaya tiada satupun agama di dunia ini yang menyokong dan membenarkan amalan rasuah. Maka senjata yang paling mujarab ialah gunakan agama untuk meyakinkan anak masing-masing. Terapkanlah ilmu agama yang secukupnya dari kecil lagi agar anak kita dapat membezakan antara yang betul dan salah serta antara halal dan juga haram. Mereka perlu memahami persekitaran ini sejak di bangku sekolah lagi agar mudah untuk dibudayakan sepanjang hayat mereka kelak. Hal ini penting kerana belia perlu sedar bahawa rasuah tidak membabitkan wang tunai semata-mata.

Definisi rasuah cukup luas. Justeru apa yang mereka perlu ada adalah benteng dan dinding yang bernama integriti. Integriti tidak akan datang dengan sendirinya tanpa asuhan dan didikan agama yang sewajarnya. Jika kita meyakinkan dan memastikan anak-anak kita sentiasa memakai baju integriti maka tidak mungkin belia kita akan hanyut dengan gejala rasuah.

Begitu juga halnya dengan peranan anggota masyarakat secara keseluruhannya. Kita perlu menjadi mata dan telinga bagi pihak ibu bapa dan juga pihak berkuasa. Kita wajar ambil peduli ataupun tidak salah untuk menjaga tepi kain orang lain dalam hal sebegini asalkan niat kita murni dan baik iaitu mahu membantu membanteras gejala rasuah dalam masyarakat kita. Kita boleh bertindak melaporkan kepada ibu bapa andai kita mengenali ahli keluarga

mereka ataupun laporkan terus kepada pihak berkuasa jika mendapati ada berlaku unsur rasuah dalam apa jua keadaan dengan segera supaya kita dapat mencegahnya sebelum menjadi parah.

Gejala rasuah adalah umpama duri dalam daging dalam masyarakat kita dan percayalah rasuah bukan budaya kita. Ia boleh menghancurkan masyarakat dan juga negara kita jika dibiarkan terus berleluasa. Keadaan akan bertambah parah jika ramai golongan belia terjebak dalam gejala ini. Justeru setiap seorang daripada kita ada tanggungjawab sosial dan moral kepada diri, masyarakat dan juga negara dalam hal ini. Untuk itu kita perlu bergabung tenaga dan memastikan agar dapat melahirkan golongan belia dan generasi masa hadapan yang berintegriti serta berjiwa kental dan berani untuk katakan tidak kepada rasuah.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM